



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM GERAK RAHMAH: JOM MASAK BUBUR LAMBUK PERPADUAN

---

**KERTEH, 8 MAC 2025** – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu telah menganjurkan **Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025** yang disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Dewan Sivik Kerteh, Terengganu Darul Iman.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, “program ini merupakan anjuran **kali keempat yang dianjurkan secara serentak di seluruh negara** dan pada tahun ini, **sebanyak lebih 700,000 bekas bubur lambuk telah diedarkan secara serentak di seluruh negara** oleh Kementerian melalui lebih **3400 Kawasan Rukun Tetangga (KRT).**”

“Program seumpama ini bukan sahaja berjaya menghimpunkan dan menggerakkan warga KRT secara bersepadu, tetapi juga dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat tanpa mengira latar belakang, kaum dan agama. Oleh hal yang demikian, melalui program ini juga dapat melihat keterlibatan dan kebersamaan masyarakat untuk menyediakan bubur perpaduan dan juga berbuka puasa bersama-sama yang menjadi lambang penyatuan dan perpaduan rakyat Malaysia,” tambah beliau.

Pada masa yang sama, Menteri Perpaduan Negara juga turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Negeri Terengganu yang sudi menjadi tuan rumah bagi penganjuran Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan pada tahun ini. Beliau berharap semoga segala usaha yang dilakukan ini menjadi pemangkin kepada perpaduan yang merupakan tonggak keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara.

**Kementerian Perpaduan Negara**

8 MAC 2025

KPN.100-9/1/16 (14)